MOHAMMAD SHAFIQ DOLLAH A

lwn.

SARJAN MEJAR ABDUL MANAF JUSOH & YANG LAIN DAN SATU KES LAGI B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ROSILAH YOP PK
[GUAMAN NO: S3-21-223-2008 & S6-21-161-2008]
29 NOVEMBER 2012 C

POLIS: *Tangkapan - Kesahan - Sama ada sebab tangkapan dan hak untuk khidmat peguam dinyatakan - Sama ada tangkapan menurut undang-undang - Sama ada terdapatnya syak yang munasabah untuk menahan plaintif-plaintif - Kanun Tatacara Jenayah, ss. 23(1)(a), (d), 28A & 116 - Perlembagaan Persekutuan, fasal 5(3)* D

PROSEDUR JENAYAH: *Tangkapan - Tangkapan salah - Kesahan penahanan - Sama ada sebab tangkapan dan hak untuk khidmat peguam dinyatakan - Sama ada tangkapan menurut undang-undang - Kanun Tatacara Jenayah, ss. 23(1)(a), (d), 28A & 116 - Perlembagaan Persekutuan, fasal 5(3)* E

TORT: *Tangkapan salah - Tuntutan untuk ganti rugi - Sama ada dibuktikan plaintif-plaintif ditangkap secara salah - Sama ada tangkapan menurut undang-undang - Sama ada Kerajaan Malaysia bertanggungan secara vikarius bagi kesalahan defendan pertama* F

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Kanak-Kanak 2001 - Seksyen 85 - Sama ada penahanan plaintif-plaintif bertentangan dengan Akta Kanak-Kanak 2001 - Sama ada kanak-kanak perlu diasingkan daripada lokap orang dewasa - Sama ada penahanan menurut undang-undang* G

Plaintif-plaintif di dalam kes ini, Mohammad Shafiq bin Dollah ('Shafiq') dan Muhammad Hafiz bin Saman ('Hafiz') memfailkan dua tuntutan berasingan terhadap defendan-defendan yang sama bagi penahanan salah mereka. Shafiq adalah seorang budak yang menuntut melalui ibunya sebagai sahabat wakilnya. Kedua-dua plaintif mendakwa mereka ditangkap oleh defendan pertama ('SD1') kerana disyaki terlibat di dalam aktiviti mencuri motosikal. Kedua-dua mereka telah dipukul semasa dalam tahanan sehingga menyebabkan mereka mengalami kecederaan dan kemudian menerima rawatan di hospital. Shafiq telah dirawat di hospital selama enam hari di mana tiga daripada enam hari tersebut, beliau H I

telah direman dengan tangan digari di katil hospital. Hafiz mendakwa bahawa selepas menerima rawatan bagi kecederaan yang dialaminya, beliau tidak diberikan ubat-ubatan yang dibekalkan kepadanya dan sebaliknya, telah dirampas oleh SD1 dan anggotanya. Walau bagaimanapun, selepas direman selama tujuh hari, Hafiz dibebaskan atas jaminan polis. Plaintif-plaintif berhujah bahawa penahanan mereka adalah tidak sah, antara lain, kerana: (i) melanggar fasal 5(3) Perlembagaan Persekutuan disebabkan mereka tidak diberitahu alasan tangkapan dan dinafikan hak untuk mendapat khidmat peguam; (ii) tidak mematuhi s. 28A Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') kerana tidak diberitahu alasan tangkapan, tidak dibenarkan berjumpa dengan ahli keluarga dan tidak dibenarkan untuk mendapat khidmat peguam; (iii) SD1 tidak mempunyai sebab munasabah untuk menahan plaintif-plaintif; dan (iv) penahanan Shafiq tidak mengikut s. 85 Akta Kanak-Kanak 2001 ('AKK'). Defendan-defendan pula berhujah bahawa penahanan Hafiz dan Shafiq adalah sah di sisi undang-undang berdasarkan s. 23(1)(a) dan (d) KTJ kerana disyaki terlibat dalam kegiatan mencuri motosikal.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif-plaintif):

(1) Dari keterangan yang dikemukakan, jelas bahawa plaintif-plaintif telah diberitahu oleh SD1 sebab-sebab mereka ditangkap. Hafiz diberitahu bahawa beliau ditangkap kerana gagal memberi keterangan mengenai motosikal dan komponen-komponen motosikal yang berada di halaman rumah beliau, manakala Shafiq kerana disyaki terlibat dengan kecurian motosikal. (perenggan 42)

(2) Tidak ada keterangan dikemukakan bahawa sebelum SD1 mengemukakan apa-apa soalan untuk soal siasat atas tangkapan Hafiz dan Shafiq, mereka diberitahu mengenai hak mereka untuk berhubung dan mendapat khidmat peguam pilihan mereka seperti yang diperuntukkan di bawah s. 28A(2) KTJ. Penafian hak mendapatkan khidmat peguam menyebabkan tahanan plaintif-plaintif tidak sah. Walaupun plaintif-plaintif dimaklumkan mengenai sebab-sebab tangkapan, tetapi mereka masih dinafikan hak kepada khidmat peguam yang merupakan hak secara bersama mengikut peruntukan fasal 5(3) Perlembagaan Persekutuan. (perenggan 47-54)

(3) Ahli keluarga plaintif-plaintif telah dimaklumkan oleh SD1 di mana mereka ditahan, kerana mereka telah hadir ke balai polis di mana mereka ditahan. Saksi-saksi plaintif menyatakan

bahawa mereka telah datang ke balai di mana Hafiz dan Shafiq ditahan. Saksi-saksi defendan juga menyatakan bahawa ahli-ahli keluarga Hafiz telah datang ke balai di mana beliau ditahan manakala ahli keluarga Shafiq berjumpa dengan Shafiq semasa beliau masih dalam tahanan polis di hospital. (perenggan 56 & 57)

(4) Tidak ada keterangan berkaitan maklumat yang diperolehi daripada pemberi maklumat yang dikemukakan di mahkamah. Malah, pemberi maklumat tidak dipanggil untuk memberi keterangan walaupun beliau merupakan saksi penting. Kegagalan defendan-defendan untuk memanggil saksi penting ini menyebabkan peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai. (perenggan 63-65)

(5) Pada masa tangkapan Hafiz, motosikal tersebut belum dilaporkan dicuri. Tetapi, Hafiz telah dituduh di bawah s. 29 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 dan dilepaskan oleh mahkamah dari tuduhan tersebut selepas perbicaraan. Manakala, Shafiq ditangkap semasa menunggang sebuah motosikal yang diakui oleh SD1 bahawa tidak ada laporan polis bahawa motosikal tersebut merupakan motosikal curi. Seksyen 23(1)(a) KTJ terpakai hanya apabila terdapatnya syak yang munasabah dan dalam kes ini, defendan telah gagal membuktikan terdapatnya syak yang munasabah untuk menahan Hafiz dan Shafiq. (perenggan 74-76)

(6) Semasa Shafiq ditangkap, beliau berumur dalam lingkungan 17 tahun, iaitu seorang kanak-kanak, mengikut Akta Kanak-Kanak 2001. Jadi, sebarang penahanan kanak-kanak seperti Shafiq hendaklah mengikut Akta Kanak-Kanak 2001. Di atas fakta, Shafiq tidak pernah diasingkan dari lokap dengan orang-orang dewasa dan semasa ditahan reman di hospital, beliau digari di katil. Oleh itu, Shafiq ditahan oleh SD1 dengan tidak mematuhi peruntukan s. 85 Akta Kanak-Kanak 2001. (perenggan 77-80)

(7) SD1 menyatakan bahawa beliau adalah pegawai tangkapan dan bukan pegawai penyiasat dalam kes ini. SD1 menafikan membuat geledahan mengikut s. 62 KTJ dan menyatakan bahawa geledahan dibuat mengikut peruntukan s. 116 KTJ. Tetapi, s. 116 KTJ hanya terpakai kepada pegawai penyiasat sahaja dan bukan pegawai tangkapan. Dengan itu, geledahan di rumah Hafiz oleh SD1 adalah tidak sah. (perenggan 83-86)

(8) Adalah jelas bahawa Hafiz telah didera oleh SD1 sehingga menyebabkan kecederaan. Kecederaan yang dihadapi oleh Hafiz pada tarikh beliau ditangkap dan diperiksa oleh pegawai perubatan, merupakan kecederaan akibat didera, diserang dan dihentam oleh SD1. (perenggan 102 & 104)

(9) Plaintif-plaintif telah membuktikan bahawa defendan-defendan bertanggungan ke atas kecederaan yang dialami oleh mereka dan juga salah tahan yang dilakukan oleh defendan-defendan. Plaintif-plaintif telah, atas imbangan kebarangkalian, membuktikan liabiliti terhadap defendan-defendan. Dengan itu, plaintif-plaintif, berhak untuk mendapat ganti rugi. SD1 yang merupakan penjawat awam kepada Kerajaan Malaysia, telah dinamakan sebagai pelaku tort di dalam tindakan ini. Dengan itu, defendan-defendan (selain SD1) bertanggungan secara vikarius di dalam kedua-dua tindakan ini. (perenggan 130 & 135)

(10) Bagi Kes Hafiz, mahkamah membenarkan gantirugi am kerana telah disalah tahan selama 7 hari sebanyak RM25,000 sehari berjumlah RM175,000. Mahkamah juga mengawadkan RM60,000 kerana defendan pertama telah membuat geledahan tak sah dan melakukan pencerobohan terhadap harta Hafiz. Bagi kecederaan yang dialami akibat didera oleh defendan pertama, mahkamah mengawardkan RM10,000 bagi 'soft tissue injury' dan RM65,000 bagi 'post traumatic stress disorder'. Seterusnya, jumlah RM60,000 diawardkan bagi gantirugi teladan. (perenggan 136 - 141)

(11) Bagi Kes Shafiq, mahkamah membenarkan gantirugi am kerana telah disalah tahan selama 3 hari sebanyak RM25,000 sehari berjumlah RM75,000. Bagi kecederaan yang dialami (lebam-lebam dll), mahkamah mengawardkan RM10,000, sementara bagi gantirugi teladan, RM60,000 wajar diawardkan kepada beliau. (perenggan 145 - 148)

Kes-kes yang dirujuk:

Abd Malek Hussin v. Borhan Hj Daud & Ors [2008] 1 CLJ 264 HC ***(dibezakan)***

Crawford v. Financial Institutions Services Ltd (Jamaica) [2005] UKPC 40 ***(dirujuk)***

Eastern & Oriental Hotel [1951] Sdn Bhd v. Ellarlous George Fernandez & Anor & Another Case [1988] 2 CLJ 734; [1988] 1 CLJ (Rep) 50 SC ***(dirujuk)***

Guthrie Sdn Bhd v. Trans-Malaysian Leasing Corp Bhd [1991] 1 CLJ 9; [1991] 1 CLJ (Rep) 155 SC ***(dirujuk)***

Kerajaan Malaysia & Ors v. Lay Kee Tee & Ors [2009] 1 CLJ 663 FC ***(dirujuk)***
Leong Hoong Khie v. PP & Another Case [1986] 2 CLJ 291; [1986] CLJ (Rep) 179 FC ***(dirujuk)***
Masa Nangkai & 5 Ors v. Sgd Edwin Nancha & Anor [2004] 1 LNS 495 HC ***(dirujuk)***
Mawaz Khan v. The Queen [1967] 1 AC 454 ***(dirujuk)***
Ratten v. The Queen [1972] AC 378 ***(dirujuk)***
Subramaniam v. PP [1956] 1 LNS 115 PC ***(dirujuk)***
Subry Hamid v. Husaini Tan Sri Ikhwan & Anor [2006] 4 CLJ 50 CA ***(dirujuk)***
Syarizan Sudirmin & Ors v. Abdul Rahman Bukit & Anor [2010] 3 CLJ 877 HC ***(dirujuk)***
Synn Lee & Co Ltd v. Bank of China [1962] 1 LNS 189 HC ***(dirujuk)***
Takako Sakao v. Ng Pek Yuen & Anor [2010] 1 CLJ 381 FC ***(dirujuk)***
Tay Tong Chew & Anor v. Abu Rahman Hj Ahmad [1984] 2 CLJ 227; [1984] 1 CLJ (Rep) 389 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Child Act 2001, s. 85
Criminal Procedure Code, ss. 23(1)(a), (d), 28A(1), (2)(a)(b), (8), 62, 116, 117, 435
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Government Proceedings Act 1956, ss. 5, 6
Minor Offences Act 1955, s. 29
Penal Code, s. 379A
Police Act 1967, s. 32(1)

Bagi pihak plaintif-plaintif - Baljit Singh Sidhu (Aniz Ezwin Ishak bersamanya); T/n Shukor Baljit & Partners
Bagi pihak defendan-defendan - Khairul Nizam Mohd Kamal (Kasturi Arumugam bersamanya); TPR

Dilaporkan oleh Emm Zehra

PENGHAKIMAN

Rosilah Yop PK:

Pendahuluan

[1] Mohammad Shafiq bin Dollah @ Abdullah adalah plaintif dalam kes S3-21-223-2008 (akan disebut Shafiq selepas ini). Manakala Muhammad Hafiz bin Saman adalah plaintif di dalam kes S6-21-161-2008 (akan disebut Hafiz selepas ini). Ketiga-tiga defendan di dalam kedua-dua kes ini merupakan defendan-defendan yang sama di dalam kedua-dua kes ini kecuali defendan kedua di dalam kes S3-21-223-2008.

A **Ringkasan Kes Plaintif**

[2] Shafiq adalah seorang budak yang menuntut melalui ibunya sebagai sahabat wakilnya pada masa tuntutan ini difailkan dan beralamat di M9-101 Pandan Jaya, Cheras 55100, Kuala Lumpur.

B **[3]** SD1 iaitu Sarjan Mejar Abdul Manaf merupakan defendan pertama yang telah menangkap Shafiq.

[4] Pada 21 Mei 2008, lebih kurang 7.55 malam, Shafiq telah ditangkap oleh defendan pertama bersama anggota polis yang
C berkhidmat di Balai Polis Pandan Indah. Semasa tangkapan dibuat Shafiq tidak diberitahu oleh defendan pertama tentang alasan tangkapannya dan tidak juga diberitahu bahawa dia berhak untuk mendapatkan khidmat peguam dan menghubungi ahli keluarganya.

D **[5]** Shafiq kemudiannya telah dibawa ke Balai Polis Pandan Indah untuk disoal siasat.

[6] Shafiq telah meminta daripada defendan pertama tetapi tidak dibenarkan untuk berjumpa dengan ahli keluarganya semasa
E di bawah tahanan polis. Shafiq juga telah meminta daripada defendan pertama untuk mendapatkan khidmat peguamcara semasa berada di dalam tahanan polis tetapi tidak dibenarkan.

[7] Semasa di Balai Polis Pandan Indah, Shafiq telah dibawa masuk ke dalam stor di mana Shafiq telah dipaksa untuk mengaku
F mencuri motosikal. Apabila Shafiq enggan membuat demikian, Shafiq telah dipukul, dipijak-pijak, diterajang dan ditendang oleh defendan pertama sehingga menyebabkan Shafiq terjatuh.

[8] Pada masa itu, Shafiq telah merayu kepada defendan
G pertama supaya tidak dipukul kerana Shafiq pernah menjalani pembedahan membuang limpa, dan luka pembedahan masih dalam proses penyembuhan dan perkara ini telah diberitahu defendan pertama dan anggotanya semasa Shafiq diarahkan masuk ke dalam stor tetapi tidak dihiraukan.

H **[9]** Shafiq kemudiannya disoal siasat di dalam stor di Balai Polis Pandan Indah dengan tangan Shafiq bergari dan Shafiq juga telah diarahkan duduk di atas lantai dengan meluruskan kedua-dua belah kaki.

I **[10]** Beberapa anggota polis yang tidak diketahui identitinya termasuk defendan pertama telah menyerang dan menghentam Shafiq. Kaki Shafiq telah dipijak-pijak dan dipukul dengan getah paip kuning yang bersimpul dan badan Shafiq telah dipukul dan

ditendang berkali-kali. Ini dilakukan untuk mendapatkan pengakuan daripada Shafiq bahawa Shafiq terlibat dengan aktiviti mencuri motosikal. A

[11] Shafiq cuba mengelak dari pukulan dan akibatnya Shafiq telah dipukul dengan lebih teruk dan terkena di tempat pembedahannya dan Shafiq juga telah dihentam dan dipukul di seluruh badan. B

[12] Serangan dan hentaman mengakibatkan kecederaan di seluruh badan terutamanya di bahagian kaki Shafiq sehinggakan Shafiq telah membuang air besar di dalam seluarnya kerana tidak dibenarkan oleh defendan pertama pergi ke tandas. Selepas itu barulah defendan pertama menyuruh Shafiq membersihkan seluarnya dan sekembalinya dari tandas Shafiq telah dipukul lagi sehingga pitam dan separuh sedar dan barulah kemudiannya Shafiq telah dihantar ke Hospital Ampang oleh anggota polis pada malam tangkapan tersebut untuk mendapatkan rawatan. C D

[13] Shafiq berada di hospital selama enam hari (tiga hari daripada enam hari tersebut Shafiq telah direman dengan tangan digari di katil hospital) untuk menerima rawatan akibat kecederaan dan kesakitan akibat pukulan dan hentaman tersebut. E

[14] Sehingga ke tarikh tuntutan difailkan, Shafiq berada dalam keadaan trauma, tertekan dari segi mental, tiada selera makan, tidak dapat tidur waktu malam dan tidak dapat bergaul dengan rakan-rakan seperti biasa. F

[15] Ahli keluarga Shafiq tidak berpuas hati dengan pukulan dan tindakan kekejaman dan kekerasan yang dilakukan ke atas Shafiq oleh defendan pertama dan telah menuntut terhadap defendan-defendan. G

[16] Hafiz pula merupakan seorang individu yang cukup umur yang beralamat di No. 5, Jalan Pandan Indah 7, Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur. H

[17] Defendan pertama dengan berpakaian biasa telah menangkap Hafiz di rumahnya pada 21 Mei 2008. Defendan pertama telah menggeledah di halaman rumah yang didiami Hafiz dan keluarganya tanpa menunjukkan sebarang waran. Pada masa itu ibu saudara Hafiz (SP2) berada di rumah berkenaan. I

[18] Defendan pertama tidak memberitahu Hafiz ataupun ibu saudaranya bahawa beliau adalah seorang anggota polis dan sebab-sebab untuk menangkap Hafiz.

[19] Selepas tangkapan, Hafiz telah dibawa ke Balai Polis Pandan Indah oleh defendan pertama dan beberapa anggota polis yang lain di mana Hafiz telah dimasukkan ke dalam stor dan dipukul dan dibelasah untuk mendapatkan pengakuan palsu mengenai kecurian motosikal.

[20] Pada malam 21 Mei 2008, selepas dipukul dan dibelasah oleh defendan pertama dan anggota-anggotanya, Hafiz telah dibawa ke Hospital Ampang untuk mendapatkan rawatan kerana mengadu mengalami kecederaan dan sakit kaki dan tidak mampu untuk berjalan akibat pukulan tersebut.

[21] Hafiz telah dirawat di Hospital Ampang dan telah diberi ubat-ubatan untuk merawat kecederaan akibat pukulan tersebut. Namun selepas kembali ke balai polis, Hafiz tidak diberikan ubat-ubatan yang dibekalkan kepadanya. Ubat-ubatan tersebut telah dirampas oleh defendan pertama dan anggotanya dan permintaan Hafiz untuk mendapatkan ubat-ubatan tersebut tidak dilayan.

[22] Hafiz direman selama tujuh hari iaitu sehingga 28 Mei 2008 dan kemudiannya dibebaskan atas jaminan polis. Hanya pada ketika itu Hafiz berpeluang untuk berjumpa dengan ahli keluarganya.

[23] Hafiz kemudian dibawa ke Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) untuk mendapatkan rawatan ke atas kakinya yang sakit oleh ahli keluarganya.

[24] Pada 28 Mei 2008, seramai lebih kurang 11 orang anggota polis telah pergi ke rumah Hafiz bersama-sama sebakul buah-buahan untuk melawat Hafiz dan meminta maaf kepada Hafiz serta turut meminta Hafiz supaya tidak mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap defendan pertama.

[25] Hafiz dan ahli keluarganya tidak berpuas hati dengan kekerasan dan pukulan yang dilakukan ke atas Hafiz oleh defendan pertama telah menuntut terhadap defendan-defendan.

Ringkasan Kes Defendan-Defendan

[26] Pada 21 Mei 2008 defendan pertama bersama pasukannya telah pergi ke rumah Hafiz setelah mendapat maklumat berkaitan kecurian motosikal daripada pemberi maklumat. Sampai di rumah Hafiz, defendan pertama dapati terdapat sebuah motosikal jenis 125 Z dengan no. pendaftaran WKL 643 yang kemudiannya didapati no. pendaftaran palsu serta banyak komponen alat ganti motosikal di halaman rumah Hafiz.

[27] Defendan pertama telah perkenalkan diri sebagai polis pada Hafiz dan ibu saudara beliau. Hafiz gagal memberi penjelasan yang munasabah tentang motosikal berkenaan serta komponen alat-alat ganti.

[28] Hafiz kemudian ditahan setelah dimaklumkan akan alasan tangkapan.

[29] Defendan pertama membuat geledahan di halaman rumah Hafiz tanpa waran geledah. Hafiz telah dituduh di mahkamah di bawah s. 379A Kanun Keseksaan dan s. 29 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955.

[30] Hafiz telah memberi maklumat dan membawa defendan pertama bersama pasukannya menangkap Mohammad Shafiq bin Dollah @ Abdullah dan Muhammad Jamaludin Jamal bin Liwon.

[31] Semasa di balai, Hafiz dibenarkan untuk berjumpa dengan ibu bapa beliau. Hafiz tidak pernah membuat permintaan untuk beliau diwakili peguam.

[32] Defendan-defendan tidak pernah mendera Hafiz semasa tahanan sebaliknya Hafiz dibawa ke hospital setelah mengadu sakit kerana kakinya cedera akibat kemalangan jalan raya sebelum tangkapan.

[33] Defendan-defendan menyatakan yang mereka tidak pernah ke rumah Hafiz untuk meminta maaf atas kecederaan yang dialami Hafiz.

[34] Pada malam yang sama Shafiq telah ditangkap oleh defendan pertama dan pasukannya selepas ditunjukkan oleh Hafiz.

[35] Sebelum tangkapan, defendan pertama telah perkenalkan diri beliau sebagai polis dan selepas ditangkap Shafiq telah diberitahu alasan-alasan kenapa beliau ditangkap. Shafiq telah ditahan oleh defendan pertama kerana disyaki terlibat dengan kes kecurian motosikal.

[36] Kemudian, Shafiq telah dihantar ke Hospital Ampang kerana mengadu seperti hendak pitam.

[37] Semasa di Hospital Ampang, Shafiq meminta untuk berjumpa keluarganya dan pada 22 Mei 2008 keluarga Shafiq dibenarkan untuk berjumpa Shafiq. Semasa beliau dalam tahanan polis, Shafiq tidak pernah meminta untuk beliau diwakili oleh peguam.

[38] Defendan pertama menafikan yang beliau mencederakan Shafiq semasa ditahan.

Penilaian Dan Pendapat Mahkamah

[39] Isu-isu yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak untuk dibicarakan ditandakan sebagai Ikatan Dokumen F. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut:

(a) Sama ada penahanan plaintif-plaintif pada 21 Mei 2008 adalah tidak sah dan tidak mengikut undang-undang?

(b) Sama ada semasa berada di bawah tahanan polis, plaintif-plaintif telah diberitahu alasan kenapa plaintif ditahan oleh polis?

(c) Sama ada plaintif-plaintif dibenarkan untuk berjumpa dengan ahli keluarganya semasa berada di dalam tahanan polis?

(d) Sama ada plaintif-plaintif ada meminta khidmat peguamcara semasa dalam tahanan?

(e) Sama ada plaintif-plaintif telah dinafikan hak untuk mendapat perkhidmatan peguamcara semasa berada di dalam tahanan polis?

(f) Sama ada defendan pertama telah melakukan penggeledahan secara tidak sah di premis No. 5, Jalan Pandan 7, Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur pada 21 Mei 2008?

(g) Sama ada plaintif-plaintif telah diserang dan dihentam oleh defendan pertama?

(h) Sama ada kecederaan plaintif-plaintif diakibatkan oleh kemalangan yang berlaku sebelum plaintif ditahan lagi?

(i) Sama ada ubat-ubatan untuk Muhammad Hafiz bin Saman diberikan kepada polis atau diberikan terus oleh pihak hospital kepada Muhammad Hafiz bin Saman?

(j) Sama ada semasa berada di bawah tahanan polis, Muhammad Hafiz bin Saman telah dinafikan hak ke atas ubat-ubatan yang dibekalkan oleh pihak hospital?

(k) Sama ada Mohammad Shafiq bin Dollah @ Abdullah ada membuat sebarang pengakuan kepada defendan pertama?

(l) Sama ada defendan pertama adalah pekerja, ejen dan/atau pengkhidmat defendan kedua dan defendan ketiga? A

(m) Sama ada defendan kedua dan defendan ketiga mempunyai tanggungan beralih?

(n) Sama ada plaintif-plaintif telah dituduh di bawah s. 379A Kanun Keseksaan dan s. 29 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955. B

Isu A, B, C, D Dan E

C

[40] Peguam plaintif menghujahkan bahawa penahanan Hafiz dan Shafiq adalah tidak sah kerana:

(i) Melanggar art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan kerana:

- tidak diberitahu alasan tangkapan; D

- dinafikan hak untuk mendapat khidmat peguam.

(ii) Tidak mematuhi s. 28A Kanun Tatacara Jenayah kerana:

- tidak diberitahu alasan tangkapan; E

- tidak dibenarkan berjumpa dengan ahli keluarga; dan

- tidak dibenarkan untuk mendapat khidmat peguam.

(iii) Defendan pertama tidak mempunyai sebab munasabah untuk menahan Hafiz dan Shafiq. F

(iv) Penahanan Shafiq tidak mengikut s. 85 Akta Kanak-Kanak 2001 (AKK).

G

[41] Peguam defendan-defendan pula menghujahkan bahawa penahanan Hafiz adalah sah kerana:

(a) Telah timbul syak lebih dari mencukupi bahawa Hafiz dan Shafiq terlibat dalam kecurian motosikal;

H

(b) Tangkapan Hafiz dan Shafiq adalah sah mengikut s. 23(1)(a) dan (d) Kanun Tatacara Jenayah;

(c) Hafiz dan Shafiq tidak membuat semakan terhadap tahanan reman mereka jadi mereka dihalang untuk membangkitnya ketika ini; I

(d) Seksyen 32(1) Akta Polis 1967 terpakai.

[42] Dari keterangan yang dikemukakan, saya dapati bahawa Hafiz dan Shafiq telah diberitahu oleh defendan pertama sebab-sebab mereka ditangkap. Keterangan defendan pertama adalah bahawa beliau beritahu Hafiz yang beliau ditangkap kerana gagal untuk memberi keterangan berkenaan dengan motosikal dan komponen-komponen motosikal yang berada di halaman rumah beliau. Tangkapan Shafiq telah dimaklumkan oleh defendan pertama kerana Shafiq disyaki terlibat dengan kecurian motosikal. Alasan tangkapan yang diberitahu oleh defendan pertama kepada Hafiz dan Shafiq ini telah disokong oleh keterangan SD2 dan SD3 yang mendengar defendan pertama memberitahu sebab-sebab tangkapan kepada Hafiz dan Shafiq.

[43] Sementara keterangan Hafiz dan Shafiq yang mereka tidak diberitahu sebab-sebab tangkapan merupakan keterangan self-serving daripada mereka sendiri tanpa ada apa-apa keterangan sokongan. Keterangan self-serving ini jika dibandingkan dengan keterangan yang mempunyai sokongan cuma boleh memberi nilai probatif yang boleh dipersoal dan memprejudiskan untuk menyatakan yang defendan pertama telah menangkap Hafiz dan Shafiq tanpa memberi alasan-alasan tangkapan.

[44] Adakah Hafiz dan Shafiq telah diberitahu oleh defendan pertama yang mereka boleh mendapat khidmat peguam sebelum defendan pertama menyoal mereka tentang tangkapan yang dilakukan oleh defendan pertama.

[45] Artikel 5(3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

> 5. (1) …
>
> (2) …
>
> (3) Jika seseorang ditangkap maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan-alasan dia ditangkap dan dia hendaklah dibenarkan berunding dengan dan dibela oleh seorang pengamal undang-undang pilihannya.

[46] Seksyen 28A(1) dan (2)(a)(b) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan seperti berikut:

> 28A(1) A person arrested without a warrant shall be informed as soon as may be of the grounds of his arrest by the police officer making the arrest.

(2) A police officer shall, before commencing any form of questioning or recording of any statement from the person arrested, inform the person that he may:

(a) communicate or attempt to communicate, with a relative or friend to inform of his whereabouts; and

(b) communicate or attempt to communicate and consult with a legal practitioner of his choice.

[47] Setelah meneliti pada keseluruhan keterangan, saya dapati bahawa tidak ada keterangan dikemukakan bahawa sebelum defendan pertama kemukakan apa-apa soalan untuk soal siasat atas tangkapan Hafiz dan Shafiq, mereka dinafikan hak mereka untuk berhubung dan mendapat khidmat peguam pilihan mereka. Seksyen 28A(2) Kanun Tatacara Jenayah memaklumkan "a police officer shall before commencing any form of questioning or recording a … the person arrested, inform the person that he may …". Ini tidak dibuktikan oleh defendan-defendan. Beban adalah atas defendan untuk membuktikan peruntukan seksyen ini yang sebelum defendan pertama membuat apa-apa soal siasat ke atas Hafiz dan Shafiq perlu memberitahu hak mereka yang mereka berhak untuk berhubung dengan peguam pilihan mereka.

[48] Adalah menjadi tugas defendan pertama untuk memberitahu Hafiz dan Shafiq tentang hak mereka untuk mendapat khidmat peguam sebelum sebarang soalan diajukan kepada Hafiz dan Shafiq selepas tangkapan dibuat. Hak untuk mendapat khidmat peguam ini juga diperuntukan dalam art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan.

[49] Defendan pertama menyatakan yang beliau ada beritahu Hafiz dan Shafiq tentang hak mereka untuk mendapat khidmat peguam. Walau bagaimanapun tiada sebarang keterangan sokongan dikemukakan oleh defendan pertama. Tidak ada sebarang rekod yang dikemukakan untuk membuktikan yang defendan pertama telah memberitahu Hafiz dan Shafiq tentang hak mereka ini.

[50] Hafiz dan Shafiq di dalam keterangan mereka menyatakan yang mereka ada memohon untuk mendapatkan khidmat peguam tapi dinafikan oleh defendan pertama. Manakala SD2 iaitu rakan serbuan defendan pertama menyatakan bahawa secara khusus beliau tidak lihat atau dengar defendan pertama beritahu Hafiz yang beliau ada hak untuk lantik peguam. Manakala keterangan SD2 mengenai Shafiq beliau menyatakan bahawa semasa Shafiq ditangkap defendan pertama tidak beritahu Shafiq bahawa beliau ada hak untuk lantik peguam.

[51] Dari keterangan-keterangan di atas saya membuat kesimpulan bahawa defendan pertama tidak memberitahu Hafiz dan Shafiq yang mereka ada hak untuk berhubung dan mendapat khidmat peguam pilihan mereka.

[52] Peruntukan s. 28A(2) ini tertakluk pada pengecualian di s. 28A(8) KTJ. Walau bagaimanapun daripada keterangan yang dikemukakan dalam tindakan ini, tidak termasuk di bawah pengecualian ini.

[53] Walaupun s. 28A ini diperuntukan bawah Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) yang memperuntukkan prosedur-prosedur yang perlu diikuti bila berlakunya tangkapan tapi seksyen ini menjamin hak individu yang ditangkap tertakluk kepada art. 5(3) Perlembagaan di mana hak-hak mereka untuk mendapat khidmat peguam tidak boleh dinafikan.

[54] Atas sebab-sebab di atas, saya dapati hak Hafiz dan Shafiq untuk mendapat khidmat peguam telah dinafikan dan menyebabkan tahanan terhadap mereka telah menjadi tahanan yang tidak sah. Walaupun mereka diberitahu sebab-sebab tangkapan tapi mereka masih dinafikan hak pada khidmat peguam. Kedua-dua hak ini adalah hak secara bersama mengikut peruntukan art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan.

Sama Ada Hafiz Dan Shafiq Telah Diberitahu Oleh Defendan Pertama Hak Mereka Untuk Berhubung Dengan Saudara Mara Atau Rakan Mereka Akan Tempat Di Mana Beliau Berada Atau Di Dalam Keadaan Kes Ini Di Mana Beliau Ditahan

[55] Peruntukan s. 28A(2)(a) menyatakan:

(a) communicate or attempt to communicate with a relative or friend to inform his whereabouts.

[56] Saya dapati bahawa ahli keluarga Hafiz dan Shafiq telah diberitahu oleh defendan pertama di mana Hafiz dan Shafiq ditahan. Ini adalah kerana ahli-ahli keluarga Hafiz dan Shafiq ada datang ke balai polis di mana mereka ditahan. Saksi-saksi plaintif menyatakan mereka ada datang ke balai di mana Hafiz dan Shafiq ditahan.

[57] Saksi-saksi defendan juga menyatakan yang ahli-ahli keluarga Hafiz ada datang ke balai di mana beliau ditahan untuk berjumpa Hafiz dan ahli keluarga Shafiq ada berjumpa dengan Shafiq semasa beliau berada di Hospital Ampang (masa ini Shafiq masih dalam tahanan polis).

[58] Dari keterangan ini, atas imbangan kebarangkalian membuktikan yang ahli-ahli keluarga Hafiz dan Shafiq telah tahu di mana mereka ditahan.

[59] Defendan-defendan menghujahkan penahanan Hafiz dan Shafiq pada 21 Mei 2008 adalah sah di sisi undang-undang berdasarkan s. 23(1)(a) dan (d) KTJ kerana disyaki terlibat dalam kegiatan curi motosikal. Tahanan dibuat adalah berdasarkan maklumat yang diterima oleh defendan pertama.

[60] Seksyen 23(1)(a) dan (d) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan:

> **23. Bila polis atau penghulu boleh menangkap tanpa waran**
>
> (1) Mana-mana juga pegawai polis atau penghulu boleh tanpa waran ataupun perintah daripada Majistret menangkap:
>
> > (a) mana-mana orang yang terlibat dengan sebarang kesalahan yang dilakukan di mana-mana jua dalam Malaysia yang mana ia adalah kesalahan boleh ditangkap di bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa dalam bahagian Malaysia itu dalam mana ia telah dilakukan, atau terhadap sesuatu aduan yang munasabah yang dibuat, atau maklumat yang boleh dipercayai telah diterima atau wujudnya syak yang munasabah di mana orang itu terlibat;
> >
> > ...

[61] Pihak defendan menghujahkan bahawa peruntukan s. 32(1) Akta Polis 1967 terpakai dalam keadaan kes ini. Seksyen ini adalah berkenaan tahanan reman dibawah s. 117 KTJ. Tetapi apa yang dituntut oleh Hafiz dan Syafiq adalah mengenai tangkapan dan tahanan dibuat dan soal siasat oleh defendan pertama sebelum perintah dibawah s. 117 dibuat oleh mahkamah. Oleh itu peruntukan s. 32(1) Akta Polis 1967 tidak terpakai dalam keadaan ini dan hujah defendan adalah tidak bermerit.

Adakah Terdapat Syak Yang Munasabah Ke Atas Tangkapan Hafiz Dan Syafiq?

[62] Defendan pertama di dalam keterangan beliau menyatakan yang beliau telah mendapat maklumat motosikal curi dari pemberi maklumat polis lalu menyerbu ke kediaman Hafiz dan menangkap beliau.

[63] Tidak ada keterangan dikemukakan apakah maklumat sebenarnya yang diterima dari pemberi maklumat polis berkenaan. Pemberi maklumat ini tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Pemberi maklumat polis berkenaan merupakan saksi penting untuk dipanggil memberi keterangan. Tidak ada keterangan dari defendan-defendan bahawa pemberi maklumat polis ini dilindungi oleh mana-mana Akta atau undang-undang.

[64] Mahkamah perlu tahu apakah maklumat sebenarnya yang diberikan oleh pemberi maklumat ini bagi mahkamah menentukan yang maklumat tersebut boleh membangkitkan syak yang munasabah untuk menangkap Hafiz dan Shafiq.

[65] Beliau merupakan saksi penting untuk dipanggil beri keterangan. Ini adalah kerana dengan maklumat beliaulah menyebabkan Hafiz dan Shafiq ditangkap tanpa ada sebarang laporan polis dibuat pada masa ini mengenai dengan kecurian motosikal tersebut. Kegagalan defendan-defendan untuk memanggil saksi penting ini menyebabkan peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai.

[66] Adalah undang-undang mantap bahawa saksi yang mempunyai pengetahuan peribadi mengenai keadaan dan fakta kes mengenai isu dalam pertikaian merupakan saksi yang penting dan material dan tidak boleh dikecualikan daripada memberi keterangan kecuali atas sebab-sebab yang terkecuali - lihat kes *Takako Sakao v. Ng Pek Yuen & Anor* [2010] 1 CLJ 381.

[67] Di dalam kes *Subry Hamid v. Husaini Tan Sri Ikhwan & Anor* [2006] 4 CLJ 50, Mahkamah Rayuan dalam menyatakan berkenaan inferens bertentangan telah merujuk pada kes *Crawford v. Financial Institutions Services Ltd (Jamaica)* [2005] UKPC 40, Lord Walker of Gestingthorpe semasa memberi keputusan dalam Advice of the Privy Council menyatakan:

> It is well settled that in civil proceedings the court may draw adverse inferences from a defendant's decision not to give or call evidence as to matters within the knowledge of himself or his employees.

[68] Defendan gagal kemukakan saksi yang material berkenaan untuk menyangkal keterangan saksi plaintif mengenai maklumat yang diterima oleh defendan pertama bagi menimbulkan syak yang munasabah untuk penangkapan Hafiz ini.

[69] Peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 memberi budi bicara pada mahkamah untuk mengenakan inferens berkenaan - lihat kes *Synn Lee & Co Ltd v. Bank of China* [1962] 1 LNS 189; [1962] MLJ 395. Walau bagaimanapun budi bicara yang hendak dilaksanakan adalah budi bicara kehakiman.

[70] Bila defendan gagal memanggil pemberi maklumat yang merupakan saksi material tanpa alasan munasabah diberikan, maka mahkamah akan mengenakan inferens bertentangan terhadap defendan kerana gagal memanggil saksi material berkenaan tanpa penjelasan diberikan - lihat kes *Tay Tong Chew & Anor v. Abu Rahman Hj Ahmad* [1984] 2 CLJ 227; [1984] 1 CLJ (Rep) 389; *Eastern & Oriental Hotel [1951] Sdn Bhd v. Ellarlous George Fernandez & Anor & Another Case* [1988] 2 CLJ 734; [1988] 1 CLJ (Rep) 50; dan *Guthrie Sdn Bhd v. Trans-Malaysian Leasing Corp Bhd* [1991] 1 CLJ 9; [1991] 1 CLJ (Rep) 155.

[71] Maklumat yang dikatakan diterima dari pemberi maklumat oleh defendan pertama ini juga merupakan keterangan dengar cakap. Adalah satu peraturan fundamental keterangan bahawa bukti yang terbaik mesti dikemukakan di mahkamah.

[72] Di dalam kes *Leong Hoong Khie v. PP & Another Case* [1986] 2 CLJ 291; [1986] CLJ (Rep) 179, Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> The general rule is that hearsay evidence is not admissible as proof of a fact which has been stated by a third person. This rule has been long established as fundamental principle of the law of evidence. To quote Lord Normand in *Teper v. R* [1952] AC 480 at 486:
>
> The rule against the admission of hearsay evidence is fundamental. It is not the best evidence, and it is not delivered on oath. The truthfulness and accuracy of the person whose words are spoken by another witness cannot be tested by cross-examination and the light which his demeanour would throw on his testimony is lost.

[73] Lihat juga kes-kes - *Subramaniam v. PP* [1956] 1 LNS 115; *Mawaz Khan v. The Queen* [1967] 1 AC 454; dan *Ratten v. The Queen* [1972] AC 378.

[74] Pada 21 Mei 2008, tidak ada laporan polis mengenai kecurian motosikal WMF 9243 dan komponen-komponen motosikal yang membolehkan defendan-defendan menangkap Hafiz. Laporan polis mengenai kecurian motosikal hanya dibuat pada 8 Jun 2008 iaitu selepas Hafiz ditangkap. Pada masa tangkapan

A Hafiz, motosikal tersebut belum dilaporkan curi. Walaupun Hafiz telah dituduh di bawah s. 29 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955. Bagaimanapun selepas perbicaraan Hafiz dilepaskan oleh mahkamah dari tuduhan tersebut.

B **[75]** Manakala Shafiq ditangkap semasa menunggang motosikal dengan no. pendaftaran WPR 3024. Defendan pertama dalam pemeriksaan balas akui bahawa tidak ada laporan polis bahawa motosikal ini merupakan motosikal curi.

C **[76]** Seksyen 23(1)(a) terpakai hanya apabila terdapatnya syak yang munasabah dan di dalam tindakan ini berdasarkan alasan-alasan di atas defendan gagal buktikan terdapatnya syak yang munasabah untuk menahan Hafiz dan Shafiq - rujuk kes *Masa Nangkai & 5 Ors v. Sgd Edwin Nancha & Anor* [2004] 1 LNS 495; [2005] 1 MLJ 581.

D *Sama Ada Penahanan Shafiq Mengikut s. 85 Akta Kanak-kanak 2001?*

[77] Adalah tidak dinafikan semasa Shafiq ditangkap beliau berumur dalam lingkungan 17 tahun. Beliau merupakan seorang E kanak-kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001. Jadi sebarang penahanan kanak-kanak seperti Shafiq hendaklah mengikut Akta Kanak-Kanak 2001.

[78] Seksyen 85 Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan F seperti berikut:

> 85. Perkiraan sewajarnya hendaklah dibuat:
>
> (a) untuk menghalang seseorang kanak-kanak semasa:
>
> (i) ditahan di balai polis;
>
> G (ii) dibawa ke atau dari mana-mana Mahkamah; atau
>
> (iii) menunggu sebelum atau selepas hadir di mana-mana Mahkamah.

H **[79]** Defendan pertama di dalam keterangan beliau menyatakan bahawa Balai Polis Pandan Indah di mana Shafiq dibawa bukan merupakan tempat tahanan khusus untuk kanak-kanak. Ikut keterangan defendan pertama lagi Balai Polis Pandan Indah tidak dilengkapi dengan satu lokap khas untuk kanak-kanak.

I **[80]** Shafiq tidak pernah diasingkan dari lokap dengan orang-orang dewasa. Semasa Shafiq ditahan reman di hospital beliau digari di katil. Keterangan Shafiq ini disokong oleh keterangan SP8

yang Shafiq digari di katil semasa ditahan reman di hospital. Defendan-defendan tidak dapat menyangkal keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh plaintif ini. Dengan itu saya dapati bahawa Shafiq ditahan oleh defendan pertama dengan tidak mematuhi peruntukan s. 85 Akta Kanak-Kanak 2001.

Isu F

[81] Mengikut keterangan defendan pertama, beliau melakukan geledahan di premis No. 5, Jalan Pandan 7, Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur pada 21 Mei 2008 mengikut peruntukan s. 116 KTJ.

[82] Seksyen 116 KTJ menyatakan:

> 116. (1) Whenever a police officer making a police investigation considers that the production of any document or other thing is necessary to the conduct of an investigation into any offence which he is authorized to investigate and there is reason to believe that the person to whom a summons or order under section 51 has been or might be issued will not or would not produce the document or other thing as directed in the summons or order or when the document or other thing is not known to be in the possession of any person, the officer may search or cause search to be made for the same in any place.
>
> (2) That officer shall, if practicable, conduct the search in person.
>
> (3) If he is unable to conduct the search in person and there is no other person competent to make the search in present at the time, he may require any officer subordinate to him to make the search, and he shall deliver to the subordinate officer an order in writing specifying the document or other thing for which search is to be made and the place to be searched, and the subordinate officer may then search for the thing in that place.
>
> (4) The provisions of this Code as to search warrants shall, so far as may be, apply to a search made under this section.

[83] Ikut keterangan defendan pertama, beliau merupakan pegawai tangkapan dan bukan pegawai penyiasat bagi tangkapan Hafiz ini. Keterangan defendan pertama ini disokong oleh SP8 yang mana defendan pertama adalah pegawai tangkapan dan SP8 merupakan pegawai penyiasat untuk kes tangkapan Hafiz ini.

[84] Defendan pertama menafikan yang beliau membuat geledahan mengikut s. 62 KTJ.

[85] Defendan menghujahkan bahawa defendan pertama telah membuat geledahan mengikut s. 435 KTJ. Walau bagaimanapun, defendan pertama sendiri menyatakan yang beliau membuat geledahan mengikut peruntukan s. 116 KTJ. Seksyen 116 KTJ hanya terpakai kepada pegawai penyiasat sahaja dan bukan pegawai tangkapan.

[86] Maka dengan itu saya dapati yang geledahan di premis No. 5, Jalan Pandan 7, Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur pada 21 Mei 2008 yang dilakukan oleh defendan pertama adalah tidak sah.

Isu G Dan H

[87] Mengikut keterangan Hafiz pada malam beliau ditangkap iaitu 21 Mei 2008 beliau telah dibawa ke Balai Polis Pandan Indah dan dimasukkan ke dalam stor dan ditendang, dipukul di tapak kaki, dipijak-pijak dan disuruh melompat berkali-kali walaupun kaki Hafiz sakit dipijak (semua perbuatan ini akan disebut sebagai mendera selepas ini) oleh defendan pertama dan beberapa anggota beliau untuk mendapat pengakuan mengenai kecurian motosikal.

[88] Defendan pertama di dalam keterangan beliau menafikan yang beliau mendera Hafiz semasa dalam tahanan pihak polis.

[89] Selepas didera, Hafiz telah dibawa ke Hospital Ampang dan dirawat di sana.

[90] Defendan pertama menyatakan yang beliau tidak terlibat dalam soal siasat Hafiz. Beliau menyatakan yang beliau merupakan pegawai tangkapan sahaja dan tidak terlibat dalam soal siasat. Walau bagaimanapun keterangan defendan pertama ini bercanggah dengan keterangan SD3 dan SP8.

[91] Mengikut keterangan SD3 selepas Hafiz ditangkap dan dibawa balik ke Balai Polis Pandan Indah, defendan pertama ada membuat soal siasat lanjut ke atas Hafiz. Keterangan SD3 disokong oleh keterangan SP8 di mana beliau menyatakan bahawa semasa Hafiz ditangkap, defendan pertama yang membuat soal siasat ke atas Hafiz. SP8 adalah pegawai penyiasat kes tangkapan Hafiz ini. Beliau terima Hafiz dari defendan pertama pada jam 1.45 pagi, 22 Mei 2008. Hafiz ditangkap pada jam 3.30 petang, 21 Mei 2008.

[92] SP8 terima Hafiz selepas lebih kurang sepuluh jam Hafiz ditangkap. Ruang masa sepuluh jam ini telah memberi peluang kepada defendan pertama untuk membuat soal siasat ke atas Hafiz dan mendera Hafiz.

[93] Penderaan yang menyebabkan kecederaan ini telah disokong oleh keterangan perubatan. Mengikut laporan perubatan dari Hospital Ampang (Ikatan B ms. 23 hingga 25) terdapat 'soft tissue injury'. Mengikut SP6 iaitu doktor yang menyediakan laporan perubatan ini, beliau memeriksa Hafiz pada jam antara 10 malam hingga 12 tengah malam pada 21 Mei 2008.

[94] Ikut keterangan SP6, semasa Hafiz dibawa pada beliau untuk rawatan, Hafiz diiringi oleh anggota polis. Hafiz mengadu pada SP6 yang beliau dipijak-pijak oleh pihak polis yang menyoal siasat beliau. SP6 tidak boleh mendapat banyak maklumat daripada Hafiz kerana Hafiz banyak berdiam diri kerana pada masa itu beliau diiringi oleh pihak polis.

[95] Semasa pemeriksaan dibuat oleh SP6, beliau dapati terdapat bengkak-bengkak pada kedua-dua kaki Hafiz dan kecederaan itu merupakan kecederaan yang baru. Dan kecederaan itu SP6 diagnoskan sebagai 'soft tissue injury'. 'Crepe bandage' juga dibuat ke atas kedua-dua kaki Hafiz. Ini disokong oleh gambar-gambar yang kaki Hafiz di bandage (Ikatan C ms. 7 dan 8).

[96] Kecederaan dialami oleh Hafiz adalah kecederaan yang baru dan konsisten dengan keterangan Hafiz yang beliau didera semasa siasatan pada hari yang sama SP6 merawat beliau.

[97] Kecederaan Hafiz bukan disebabkan oleh kemalangan yang berlaku sebelum Hafiz ditahan oleh defendan pertama.

[98] SP9 telah memeriksa Hafiz pada 28 Mei 2008 iaitu selepas seminggu beliau dikatakan dipukul oleh polis. SP9 adalah pakar ortopedik.

[99] Bila SP9 memeriksa Hafiz dapati Hafiz alami keradangan pada fascia di mana kecederaan ini boleh diakibatkan sekiranya pukulan bertubi-bertubi di tapak kaki. Sekiranya pukulan itu teruk boleh menyebabkan fascia di tapak kaki koyak.

[100] Selepas daripada kejadian didera oleh defendan pertama, Hafiz telah mengalami trauma dan gangguan emosi. Beliau telah mendapat rawatan dari HUKM untuk rawatan psikiatri (Ikatan B

A ms. 62). Hafiz telah dirawat oleh SP7. SP7 ialah doktor pakar psikiatri. Mengikut SP7, Hafiz didiagnoskan mengalami 'post traumatic stress disorder' (PTSD) disebabkan kejadian beliau ditahan polis. Mengikut SP7 lagi, masalah PTSD yang dialami oleh Hafiz ini bermula selepas Hafiz ditahan oleh polis (defendan
B pertama).

[101] Keterangan SP7 lagi, sehingga hari perbicaraan rawatan dijalankan oleh pihak psikiatri ke atas Hafiz masih berterusan.

C **[102]** Dari keterangan-keterangan yang dikemukakan adalah didapati bahawa Hafiz telah didera oleh defendan pertama. Hafiz juga telah diserang dan dihentam oleh defendan pertama sehingga menyebabkan kecederaan. Kecederaan yang dihadapi oleh plaintif pada tarikh beliau ditangkap dan diperiksa oleh SP6 adalah
D kecederaan akibat didera, diserang dan dihentam oleh defendan pertama dan bukan diakibatkan oleh kemalangan yang berlaku sebelum Hafiz ditahan.

[103] Bagi menyokongkan lagi bahawa kecederaan telah dilakukan oleh defendan pertama ke atas Hafiz, pihak polis melalui
E keterangan SP8 telah akui bahawa pada petang 28 Mei 2008 seramai 11 anggota polis telah datang ke rumah beliau membawa buah-buahan (Ikatan C ms. 6) sebagai tanda memohon maaf pada Hafiz dan keluarganya atas penderaan yang dilakukan oleh defendan pertama ke atas Hafiz.

F

Isu I Dan J

[104] Mengikut keterangan Hafiz semasa beliau menerima rawatan dari SP6, beliau tidak menerima ubat-ubatan yang ditetapkan oleh SP6. Ubat-ubatan telah diberi pada pihak polis yang mengiring
G Hafiz ke hospital. Hafiz tidak pernah diberikan ubat-ubatan ini semasa beliau dalam tahanan reman. Defendan pertama di dalam keterangan beliau menafikannya, tetapi defendan pertama tidak dapat menunjukkan kepada mahkamah mengenai rekod-rekod bagi
H serahan ubat kepada Hafiz. Defendan pertama tidak iringi Hafiz ke hospital.

[105] Konstabel 152674 Roslin bin Daud merupakan anggota polis yang mengiringi dan mengisi borang Pol. 59 (Ikatan B ms. 72) untuk Hafiz mendapat rawatan semasa tahanan polis.
I Beliau tidak dipanggil untuk beri keterangan. Dalam keadaan ini keterangan Hafiz yang ubat-ubatan tidak diberikan pada beliau semasa di Hospital Ampang tidak dapat disangkal oleh defendan pertama. Hafiz telah dinafikan dengan ubat-ubatan yang dibekalkan oleh pihak Hospital Ampang kepada beliau.

[106] Dari laporan perubatan dan keterangan saksi-saksi doktor, saya dapati Hafiz telah alami kecederaan 'soft tissue injury' pada hari beliau didera oleh defendan pertama dan berikutan daripada deraan itu Hafiz telah alami 'post traumatic stress disorder' dan sehingga tarikh perbicaraan Hafiz masih alami PTSD ini dan masih bergantung pada ubat-ubatan.

[107] Shafiq juga ditahan oleh defendan pertama pada 21 Mei 2008. Mengikut keterangan Shafiq selepas beliau ditangkap dan ditahan beliau dibawa ke Balai Polis Pandan Indah dan kemudian dibawa masuk ke stor. Di dalam stor Shafiq telah disoal siasat oleh defendan pertama dan anggota-anggotanya.

[108] Shafiq telah diterajang, ditendang, kaki Shafiq dipijak-pijak, disuruh melompat berkali-kali walaupun kaki sakit dipijak dan dipukul berkali-kali di tapak kaki (akan disebut didera selepas ini) oleh defendan pertama.

[109] Walaupun Shafiq merayu agar tidak didera tapi tidak dihiraukan oleh defendan pertama. Shafiq didera sehingga beliau terjatuh. Shafiq ada beritahu yang beliau dalam proses penyembuhan kerana pembedahan membuang limpa tapi tidak dihirau oleh defendan pertama.

[110] Defendan pertama terus mendera Shafiq. Semua perkara mengenai penderaan ini dinafikan oleh defendan pertama. Penderaan dilakukan oleh defendan pertama bertujuan untuk mendapat pengakuan mengenai kecurian motosikal dan komponen-komponen motosikal.

[111] Selepas didera dan Shafiq mengalami kesakitan, beliau dibawa oleh pihak polis untuk rawatan di Hospital Ampang.

[112] Mengikut keterangan SD3 menyatakan selepas ditangkap Shafiq telah disoal siasiat oleh defendan pertama. Selepas dibawa balik ke Balai Polis Pandan Indah, SP8 adalah pegawai penyiasat untuk kes tangkapan Shafiq ini. Shafiq diserahkan pada SP8 pada jam 1.45 pagi, 22 Mei 2008 bersama-sama dengan Hafiz.

[113] Shafiq telah dibawa ke Hospital Ampang tanpa pengetahuan SP8. Kali pertama SP8 bertemu Shafiq pada pagi 22 Mei 2008 semasa Shafiq dirawat di Hospital Ampang. Ikut keterangan Shafiq beliau telah ditangkap oleh defendan pertama pada jam 7.55 malam, 21 Mei 2008. Hampir enam jam dari masa Shafiq ditangkap baru beliau dimaklumkan tentang tangkapan Shafiq pada SP8. Dalam masa inilah Shafiq telah didera oleh defendan pertama.

[114] Kecederaan yang dialami oleh Shafiq semasa dalam tahanan polis ini telah disokong oleh keterangan dari doktor-doktor yang memeriksa Shafiq dan laporan-laporan perubatan yang disediakan.

[115] SP14 telah memeriksa Shafiq pada tarikh beliau dimasukkan ke Hospital Ampang iaitu pada 21 Mei 2008 sebaik sahaja selepas Shafiq didera oleh defendan pertama. Shafiq telah diiringi oleh anggota polis semasa dibawa untuk mendapat rawatan dari SP14. Shafiq ada beritahu SP14 yang beliau ada dipukul oleh pihak polis semasa beliau ditahan.

[116] Di dalam pemeriksaan SP14 ke atas Shafiq beliau ada sediakan laporan perubatan. Laporan perubatan beliau terdapat dalam (Ikatan B ms. 9 hingga 11). SP14 dapati yang Shafiq alami 'mild tenderness over the right renal angle'. Alasan kesakitan ini mengikut SP14 kerana Shafiq ada mengadu yang beliau dipukul oleh pihak polis. Kesakitan begini mengikut SP14 boleh disebabkan seseorang itu jatuh, terhantuk pada meja juga boleh disebabkan kerana pukulan oleh seseorang.

[117] Keterangan SP14 yang kesakitan ini boleh disebabkan kerana pukulan oleh seseorang adalah menyokong keterangan Shafiq yang beliau dipukul oleh pihak polis.

[118] Kesakitan yang dialami oleh Shafiq ini mengikut SP14 tiada kaitan dengan sejarah pembedahan untuk membuang limpa Shafiq sebelum ini.

[119] SP13 juga mengesahkan kesakitan yang dialami Shafiq dibahagian 'right renal angle' boleh disebabkan oleh kena pukul ataupun trauma.

[120] Menurut keterangan SP13 yang merawat Shafiq pada 23 Mei 2008 beliau dapati ada kesan lebam pada ibu jari kaki dan jari kaki yang kelima.

[121] Kesan-kesan lebam ini adalah konsisten dengan keterangan Shafiq yang kaki beliau dipijak-pijak oleh defendan pertama.

[122] Dari keterangan-keterangan dikemukakan, saya berpendapat kecederaan yang dialami oleh Shafiq disebabkan penderaan yang dilakukan oleh defendan pertama.

[123] Berdasarkan laporan perubatan serta disokong oleh keterangan SP13 dan SP14 kecederaan yang dialami oleh Shafiq semasa dalam tahanan pihak polis boleh berlaku apabila dipukul dan dihentam seperti yang dilakukan oleh defendan pertama ke atas Shafiq.

Isu K

[124] Mengikut keterangan Shafiq beliau tidak pernah mengaku pada defendan pertama yang beliau mencuri motosikal walaupun didera oleh defendan pertama. Tujuan deraan oleh defendan pertama adalah untuk mendapat pengakuan daripada Shafiq. Mengikut keterangan defendan pertama, Shafiq ada mengaku pada beliau mengenai dengan kecurian motosikal. Tiada sebarang dokumen dikemukakan oleh defendan pertama bagi membuktikan pengakuan Shafiq tersebut dan tiada sebarang tuduhan dibuat ke atas Shafiq sekiranya benar pengakuan dibuat oleh Shafiq. Berbanding kedua-dua keterangan Shafiq dan defendan pertama saya dapati keterangan Shafiq lebih kredible dan boleh dipercayai berbanding dengan keterangan defendan pertama.

[125] Saya dapati Shafiq tidak ada membuat sebarang pengakuan kepada defendan pertama semasa beliau ditahan oleh defendan pertama.

Isu L Dan M

[126] Di dalam tindakan ini defendan pertama merupakan pelaku tort terhadap Hafiz dan Shafiq. Diakui di dalam pembelaan defendan bahawa defendan pertama adalah ejen atau pekerja kepada Ketua Polis Negeri Selangor dan Kerajaan Malaysia.

[127] Mengikut ss. 5 dan 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956, undang-undang adalah jelas bahawa defendan kedua dan ketiga adalah bertanggungan, pelaku-pelaku tort sebenar telah dinamakan sebagai defendan dalam tindakan itu. Penamaan pelaku tort iaitu defendan pertama bermaksud penamaan sebenar orang yang didakwa telah melakukan beberapa perbuatan tort ke atas Hafiz dan Shafiq.

[128] Dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Kerajaan Malaysia & Ors v. Lay Kee Tee & Ors* [2009] 1 CLJ 663 pada ms. 678 menyatakan:

> Thus, I entirely agree with the views expressed by Abdul Aziz J (later FJ) in *Haji Abdul Rahman*, *supra*. Contrary to the finding of the Court of Appeal, *Haji Abdul Rahman* was correctly decided and should be upheld. Therefore, on the proper construction of ss. 5 and 6 Act 359, in any claim in tort against the Government, the officer of the Government who was responsible forth alleged tortuous act must be made a party and liable vicariously as principal. It would be unsufficient to merely identify the officer

A without joining the officer as a party because liability by evidence needs to be established. It is only upon a successful claim against the officer personally can a claim be laid against the Government.

In the present case, all the eight causes of actions are actions in tort or tort-based premised on the act or omission of an individual. None of the Governments sued is capable of committing the wrong pleaded. Since the Governments' liability in tort can only be vicarious by virtue of ss. 5 and 6 of Act 359, and as the officers who were responsible for the alleged wrongdoing were not joined as defendants to the action, it is therefore not possible in law to maintain a successful claim in tort against the Governments as primary tortfeasors. That being so, the appellants' application to strike out the respondents' actions is meritorious.

[129] Manakala di dalam kes *Syarizan Sudirmin & Ors v. Abdul Rahman Bukit & Anor* [2010] 3 CLJ 877, mahkamah memutuskan:

... the Defendants have conceded (bersetuju) that the First Defendant was acting in the course of his employment with the Government of Malaysia at the material time and the Second Defendant as the Government of Malaysia will be vicariously liable provided the First Defendant is found liable as provided under s. 5 and s. 6 (1) of the Government Proceedings Act 1956.

...

This court also finds that the act of the First Defendant was committed in the course of his employment and that the Second Defendant is vicariously liable for the negligent act of the First Defendant. (see s. 5 and 6 of the Government proceeding Act; *Mohd Nor Afandi Mohammed Junus v. Rahman Shah Alang Ibrahim & Anor* [2008] 2 CLJ 369; *Maslinda Ishak v. Mohd Tahir Osman & Ors* [2009] 6 CLJ 653).

[130] Defendan pertama adalah pelaku tort ke atas Hafiz dan Shafiq. Defendan pertama adalah penjawat awam kepada Kerajaan Malaysia. Defendan pertama telah dinamakan sebagai pelaku tort di dalam tindakan ini. Maka dengan itu defendan-defendan (selain defendan pertama) bertanggungan secara vikarius di dalam kedua-dua tindakan ini.

Isu N

[131] Adalah tidak dinafikan oleh Hafiz bahawa beliau telah dituduh bawah s. 379A Kanun Keseksaan dan s. 29 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955.

[132] Perbicaraan telah dijalankan bagi kedua-dua tuduhan di atas. Mengikut keterangan SP10 pertuduhan dibawah s. 379A terhadap Hafiz telah diputuskan oleh mahkamah di mana Hafiz telah dilepas tanpa dibebaskan oleh mahkamah kerana pengadu tidak hadir untuk memberi keterangan.

[133] Manakala tuduhan di bawah s. 29 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 terhadap Hafiz juga diputuskan yang Hafiz dilepaskan selepas perbicaraan dijalankan.

[134] Adalah tidak dinafikan yang Shafiq tidak pernah dituduh di mahkamah akibat dari tangkapan ini.

[135] Berdasarkan kepada semua keterangan-keterangan di atas saya dapati bahawa plaintif-plaintif iaitu Hafiz dan Shafiq telah membuktikan yang defendan-defendan telah bertanggungan ke atas kecederaan yang dialami oleh plaintif-plaintif dan juga salah tahan yang dilakukan oleh defendan-defendan. Plaintif-plaintif telah atas imbangan kebarangkalian membuktikan liabiliti terhadap defendan-defendan. Dengan itu plaintif-plaintif, Hafiz dan Shafiq berhak untuk mendapat ganti rugi terhadap defendan-defendan.

Kesimpulan

[136] Berdasarkan pada semua alasan-alasan di atas, saya perintahkan seperti berikut:

S6-21-161-2008 (Kes Hafiz)

Perenggan 21 Penyata Tuntutan:

- prayer (a) (b) (c) – diluluskan;
- prayer (d) dan (g) secara bersama diluluskan;
  - diluluskan sebanyak RM175,000.
- prayer (e) diluluskan;
  - diluluskan sebanyak RM60,000.
- prayer (f) diluluskan;
  - diluluskan sebanyak RM75,000.
- prayer (h) ganti rugi khas diluluskan sebanyak RM2,011;
- prayer (i) ganti rugi teladan diluluskan sebanyak RM60,000.
- prayer (j) diluluskan atas kadar 5% setahun mulai hari ini sehingga selesai pembayaran. Kos tindakan kepada plaintif.

[137] Ganti rugi am kerana plaintif telah disalah tahan oleh defendan selama tujuh hari menurut peruntukan art. 5(3) dan s. 28A KTJ diperintahkan sebanyak RM175,000 – kes *Abd Malek Hussin v. Borhan Hj Daud & Ors* [2008] 1 CLJ 264; [2008] 1 MLJ 368 dirujuk.

[138] Saya juga dapati bahawa defendan pertama telah membuat geledahan secara tidak sah. Atas geledahan tidak sah ini saya awardkan sebanyak RM60,000 yang saya berpendapat adalah wajar. Defendan pertama secara salah atas syak beliau yang Hafiz melakukan jenayah telah menceroboh ke atas harta Hafiz dan seterusnya merampas motosikal dan komponen-komponen motosikal dalam milik Hafiz . Tindakan defendan pertama ini merupakan satu kezaliman yang menafikan hak Hafiz.

[139] Kecederaan yang dialami oleh Hafiz akibat dari penderaan defendan pertama ialah 'soft tissue injury' dan 'post traumatic stress disorder' (PTSD). Bagi PTSD ini Hafiz masih mengalaminya sehingga ke tarikh perbicaraan dan beliau masih bergantung pada ubat-ubatan untuk stabilkan keadaan emosi beliau akibat dari penderaan defendan pertama.

[140] Mengikut SP7, PTSD yang dialami oleh Hafiz ini akan mengambil masa bertahun untuk sembuh sepenuhnya. Bagi 'soft tissue injury', saya awardkan sebanyak RM10,000 sebagai amaun yang munasabah. Manakala bagi PTSD yang masih berterusan dan saya membenarkan masa dua tahun lagi adalah munasabah sebagai had masa munasabah untuk awardkan ganti rugi dan saya awardkan sebanyak RM65,000 sebagai jumlah yang munasabah.

[141] Ganti rugi khas saya luluskan sebanyak RM2,011. Ini telah dibuktikan melalui resit-resit yang dikeluarkan oleh HUKM berjumlah RM999. Kos perjalanan ke hospital sebanyak 20 kali bagi RM50 sehari berjumlah RM1,000 serta kos laporan polis sebanyak enam laporan polis dengan kos semuanya sebanyak RM12. Jumlah ganti rugi khas dengan itu saya luluskan sebanyak RM2,011.

[142] Ganti rugi teladan saya luluskan sebanyak RM60,000. Defendan pertama telah melakukan salah tahan ke atas Hafiz. Kecederaan yang dialami oleh Hafiz juga akibat dari salah tahan oleh defendan-defendan.

[143] Hafiz telah disekat kebebasan beliau secara salah. Defendan pertama patut dihukum atas perbuatan salah beliau agar perkara yang sama tidak diulangi juga tidak dilakukan oleh orang-orang lain.

[144] Dalam *Clark & Lindsell on Torts* edisi 18 menyatakan yang ganti rugi teladan dalam keadaan mana ianya boleh diawardkan iaitu "... exemplary or punitive damages which are awarded to teach the Defendant that 'tort does not pay' and to deter him and others from similar conduct in the future". Jadi saya awardkan sebanyak RM60,000 yang saya berpendapat adalah berpatutan. Peguam plaintif menghujahkan award sebanyak RM500,000 dan merujuk pada kes *Abd Malek Hussin v. Borhan Hj Daud & Ors* [2008] 1 CLJ 264; [2008] 1 MLJ 368, saya berpendapat, award sebanyak RM500,000 adalah terlalu tinggi dan keadaan salah tahan di dalam kes *Abdul Malek* adalah berbeza dengan kes ini. Jadi RM60,000 saya berpendapat adalah munasabah dalam kes ini.

S3-21-223-2008 (kes Shafiq)

Bagi Perenggan 22 Penyata Tuntutan Terpinda:

- prayer (a) (b) diluluskan;
- prayer (c) dan (e) secara bersama diluluskan sebanyak RM75,000;
- prayer (d) diluluskan sebanyak RM10,000;
- prayer (f) diluluskan sebanyak RM55;
- prayer (g) diluluskan sebanyak RM60,000;
- prayer (h) diluluskan atas kadar faedah 5% setahun mulai hari ini sehingga selesai pembayaran ini;
- prayer (i) kos tindakan kepada plaintif.

[145] Alasan saya meluluskan sebanyak RM75,000 bagi salah tahan Shafiq adalah sama dengan alasan yang diberikan dalam kes Hafiz. Cuma dalam kes Shafiq beliau ditahan selama tiga hari. Saya benarkan RM25,000 sehari x 3 hari bersamaan dengan RM75,000.

[146] Bagi kecederaan yang dialami plaintif (Shafiq) ikut laporan perubatan dan keterangan doktor beliau cuma alami kesakitan akibat dipukul juga lebam-lebam di dua jari kaki. Jadi jumlah RM10,000 untuk kesakitan dan kecederaan ini adalah wajar.

A **[147]** Ganti rugi khas saya luluskan sebanyak RM55. Ini dibuktikan melalui resit hospital sebanyak RM1. Kos perjalanan ke hospital sekali saya luluskan RM50 dan kos laporan polis diluluskan sebanyak RM4. Semuanya berjumlah RM55.

B **[148]** Ganti rugi teladan saya luluskan sebanyak RM60,000. Alasan saya adalah sama dengan alasan yang diberikan dalam kes Hafiz.

[149] Bagi tuntutan ganti rugi yang dituntut oleh plaintif-plaintif ini, defendan-defendan tidak kemukakan hujahan mereka. Tanpa hujahan defendan-defendan itu saya berpendapat defendan-defendan telah bersetuju dengan hujah-hujah yang dikemukakan oleh plaintif-plaintif. Saya seterusnya pertimbangkan jumlah yang munasabah dan wajar untuk diawardkan. Kos tindakan ini sebanyak RM25,000 bagi tiap-tiap kes.

C

D

E

F

G

H

I